

PENGETAHUAN CPR MASIH RENDAH

Perlu dipelajari setiap individu bantu selamat nyawa sebelum bantuan perubatan profesional

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@mediaprima.com.my

Pengetahuan asas bantuan pernafasan kecemasan (CPR) dalam kalangan masyarakat di negara ini masih rendah meskipun bilangan kes kematian mengejut dilaporkan semakin meningkat setiap tahun.

Kemahiran CPR itu sepatutnya perlu dipelajari setiap individu kerana ia mampu membantu menyelamatkan nyawa seseorang sementara menunggu ketibaan bantuan perubatan profesional.

Ini kerana apabila seseorang itu mengalami jantung terhenti secara mengejut, setiap saat adalah berharga kepadanya.

Untuk itu, rawatan kecemasan CPR perlu diberikan segera bagi mengelakkan komplikasi yang lebih teruk seperti kematian otak.

Jurulatih pertolongan cemas dari Altica Sdn Bhd, Amydiamni Roslan berkata, penyakit berkaitan jantung masih kekal sebagai penyebab utama kematian di Malaysia dengan 18,515 kematian pada 2019 dan



KEJADIAN jantung terhenti secara tiba-tiba boleh berlaku kepada sesiapa sahaja.

semakin meningkat.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia 2022, 'Ischaemic heart diseases' mencatatkan sebab kematian kedua tertinggi di negara ini pada 2021 iaitu 13.7 peratus selepas Covid-19.

Kata Amydiamni, ramai termasuk selebriti tanah air yang kelihatan sihat, tetapi



PENGETAHUAN asas bantuan CPR dalam kalangan masyarakat di negara ini masih rendah.



DBKL turut mengambil inisiatif menyediakan kemudahan alat AED di taman awam seliaannya.

meninggal akibat kejadian jantung terhenti secara tiba-tiba atau Sudden Cardiac Arrest (SCA).

Ia berbeza dengan serangan jantung kerana faktor risikonya sehingga kini masih tidak dapat dikenal pasti, namun dikatakan ada kaitan dengan masalah jantung.

Katanya, serangan jantung biasanya diakibatkan masalah saluran jantung tersumbat manakala Cardiac Arrest pula disebabkan jantung gagal berfungsi.

"Kejadian jantung terhenti secara tiba-tiba

boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, pada bila-bila masa dan individu yang mengalaminya berpeluang untuk diselamatkan jika diberikan pertolongan cemas CPR serta bantuan peranti peranti defibrillator atau lebih dikenali sebagai AED.

"Fasa 'clinical death' itu adalah waktu terawal kejadian berlaku dan nyawa individu yang terbabat masih berpotensi untuk diselamatkan.

"Tetapi, jika dalam tempoh tiga hingga 10 minit pertama masih tiada bekalan oksigen ke otak, ia



akan menyebabkan 'brain dead'.

"Dalam situasi ini, masa adalah berharga, jadi bantuan CPR bersama penggunaan peranti AED sememangnya penting untuk membantu sementara menunggu pasukan perubatan profesional tiba," katanya.

Dalam pada itu, Amydiamni berkata, teknik CPR perlu betul kerana jika dilakukan secara salah, ia tidak akan dapat membantu meningkatkan peratusan peluang mangsa untuk hidup.

Katanya, tekanan dada (CPR) perlu dilakukan sebanyak 30 kali antara 100 hingga 120 tekanan dalam masa seminit secara konsisten dan tekanan sedalam dua inci.

"Tekanan diselangi dengan dua bantuan pernafasan melalui mulut ke mulut dan harus dilakukan berulang kali tanpa henti sehinggalah pasukan perubatan tiba.

"Jika penat, pastikan ada yang sudah siap sedia untuk mengganti anda tanpa perlu berhenti seketika," katanya.

Sementara itu, Amydiamni berkata, peranti AED juga penting dalam membantu menyelamatkan nyawa individu yang mengalami kegagalan fungsi jantung secara mengejut.

Katanya, jika hanya menggunakan CPR sahaja, peratusan untuk menyelamatkan nyawa lebih rendah.

"Jika AED digunakan bersama, peratusan untuk mangsa selamat lebih tinggi iaitu antara 50 hingga 70 peratus," katanya.

Justeru kata Amydiamni, tempat awam seperti pejabat kerajaan, pusat membeli-belah atau taman rekreasi perlu disediakan peranti berkenaan secukupnya kerana penggunaannya penting

Fasa 'clinical death' itu adalah waktu terawal kejadian berlaku dan nyawa individu yang terbabat masih berpotensi untuk diselamatkan

AMYDIAMNI

dalam menyelamatkan nyawa.

Kata Amydiamni, peranti AED perlu ada dalam tempoh capaian masa tiga minit dan di tempat awam atau taman rekreasi pula, sebaiknya ia disediakan dalam setiap jarak antara 300 hingga 500 meter.

Katanya, di ibu negara, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) misalnya turut mengambil inisiatif menyediakan kemudahan alat berkenaan di taman awam seliaannya seperti di Taman Tasik Titiwangsa, Taman Metropolitan Kepong, Taman Tasik Permaisuri, Taman Pudu Ulu, Taman Tasik Metropolitan Kepong, Taman Botani Perdana dan sebagainya.

"Kita berharap usaha itu turut dicontohi pihak berkuasa tempatan (PBT) lain terutama Perbadanan Putrajaya kerana kawasan rekreasi di situ juga menjadi tumpuan ramai.

"Begitu juga dengan bangunan pejabat, kilang industri, pusat sukan, pusat beli-belah, pengangkutan awam dan sebagainya.

"Pilihan harga peranti AED yang semakin berpatutan dalam pasaran sepatutnya menjadi titik tolak untuk lebih banyak AED ditempatkan dalam komuniti masyarakat sama seperti pentingnya pemadam api. Kami di Altica juga menawarkan program penempatan AED secara ansuran dan juga secara sewaan," katanya.